

3) STATUS PROJEK PERUMAHAN LADANG SUBANG

ADUN : Y.B. Tuan Muhammad Izuan Bin Ahmad Kasim (Kota Damansara)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Apakah status perumahan Ladang Subang yang tidak dibina sehingga kini?

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini masih belum dibangunkan di lapangan dan berdasarkan rekod daripada jadual pelaksanaan yang dikemukakan oleh pemaju, projek ini dianggarkan bermula pada September 2026 dan dijangka akan siap dalam tempoh masa 36 bulan iaitu suku ke-3 2029. Dalam memastikan hak pekerja ladang dipelihara, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengeluarkan surat tawaran kepada bekas pekerja ladang disamping 118 orang setinggan Kampung Bunga Raya, Seksyen U16, Shah Alam bagi penempatan semula ke Projek Rumah Pangsa Alam Perdana (Jenis A) yang dimajukan oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Sehingga kini, daripada jumlah tersebut, pihak LPHS telah menerima dokumen lengkap daripada seramai 28 orang setinggan.

- b) Apakah tindakan kerajaan terhadap pemaju yang masih tidak membina rumah bagi pekerja Ladang Subang ini?

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Susulan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku Bil 1 / 2026 pada 13 April 2026 yang mana pihak pemaju perlu menyegerakan pembinaan 40 unit Rumah Kos Rendah (RKR) bagi penempatan bekas pekerja ladang serta mematuhi segala syarat-syarat yang telah diputuskan oleh MMKN Ke 41/2021 bertarikh 14 Disember 2021. Pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tidak akan memproses apa-apa permohonan Kebenaran Merancang bagi pembangunan harga bebas atau pembangunan-pembangunan lain milik pemaju selagi tidak memulakan pembinaan 40 unit RKR serta menyelesaikan tuntutan / pampasan yang telah diluluskan oleh MMKN tersebut.

- c) Adakah kerajaan bersedia untuk membuat satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pihak DO bagi menyelesaikan masalah yang berlarutan hampir 20 tahun ini?

Sumber Daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling (PDT Petaling)

Pejabat Daerah Tanah Dan Petaling merujuk kepada isu yang pernah dibangkitkan sebelum ini pada Sidang Dewang Undangan Negeri Tahun 2025 bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 41 / 2021 pada 14 Disember 2021 telah mensyaratkan agar pihak NPO Builders Sdn. Bhd. menyediakan rumah mampu milik jenis Rumah Selangorku Jenis A kepada keluarga bekas pekerja ladang sebagai salah satu syarat pembangunan tanah tersebut di atas hakmilik GRN 314518 Lot 85722 Mukim Bukit Raja.

Adalah dimaklumkan bahawa, Pejabat Daerah Tanah Dan Petaling telah menerima permohonan pecah sempadan melalui kaedah penyerahan balik dan pemberimilikan semula di bawah Seksyen 204B Kanun Tanah Negara 1965 ke atas hakmilik GRN 314518 Lot 85722 Mukim Bukit Raja bagi tujuan bangunan kediaman Pangsapuri Rumah Selangorku (RSKU) sebanyak 1,242 unit di atas. Pihak pemaju turut akan disyaratkan memulakan pembinaan dalam tempoh dua tahun dari tarikh kelulusan MMKN diperolehi.

Walau bagaimanapun, isu pemberian rumah kepada pekerja ladang adalah lebih bersesuaian dirujuk kepada Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan Pembangunan Bandar Lestari, Kebudayaan, Adat Istiadat Melayu & Warisan bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), memandangkan Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang secara rasmi telah dimansuhkan pada 2020.